



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

DRAF

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH PENDIDIKAN KHAS (MASALAH PEMBELAJARAN)

DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN

KEMAHIRAN HIDUP ASAS

TAHUN LIMA

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
PENDIDIKAN KHAS
(MASALAH PEMBELAJARAN)**

DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN

**KEMAHIRAN HIDUP ASAS
TAHUN LIMA**



BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM

Cetakan Pertama 2014

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua samaada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-5, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

RUKUN NEGARA FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA	
PENDAHULUAN	1
MATLAMAT	
OBJEKTIF	
STANDARD KURIKULUM BERASASKAN TUNJANG KURIKULUM MODULAR BERASASKAN STANDARD	2
KEMAHIRAN BERFIKIR ASAS TINGGI	3
ELEMEN MERENTAS KURIKULUM	4
FOKUS MATA PELAJARAN : KEMAHIRAN HIDUP ASAS	5
KOMPONEN MASAKAN	
KOMPONEN JAHITAN	6
KOMPONEN PERKEBUNAN	
KOMPONEN PENTERNAKAN HAIWAN	7
RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU	8
PENTAKSIRAN SEKOLAH	9 - 10
PENTAKSIRAN RUJUKAN STANDARD	
TAFSIRAN UMUM DAN TAFSIRAN MATA PELAJARAN	11
PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DAN PENTAKSIRAN SEKOLAH	12
DOKUMEN STANDARD KURIKULUM & PENTAKSIRAN KEMAHIRAN HIDUP ASAS (MASAKAN)	14 – 20
DOKUMEN STANDARD KURIKULUM & PENTAKSIRAN KEMAHIRAN HIDUP ASAS (JAHITAN)	22 – 29
DOKUMEN STANDARD KURIKULUM & PENTAKSIRAN KEMAHIRAN HIDUP ASAS (PERKEBUNAN)	31 – 37
DOKUMEN STANDARD KURIKULUM & PENTAKSIRAN KEMAHIRAN HIDUP ASAS (PENTERNAKAN)	39 - 45

PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) dibina selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berlandaskan prinsip-prinsip pendekatan bersepadu, perkembangan individu secara menyeluruh, peluang pendidikan dan kualiti pendidikan yang sama untuk semua murid dan pendidikan seumur hidup. KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) bersifat holistik, tidak menekankan akademik semata-mata selaras dengan yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).

Bagi memenuhi keperluan individu, pengajaran dan pembelajaran di Program Pendidikan Khas Integrasi Masalah Pembelajaran dibentuk secara fleksibel selaras dengan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, 8.(1)(c) yang menyatakan;

....seseorang guru boleh membuat pengubahsuaian kepada:

- i. kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran*
- ii. masa yang diperuntukkan bagi setiap aktiviti*
- iii susunan aktiviti; dan*
- iv bahan bantu mengajar*

..... apa-apa pengubahsuaian yang dibuat di bawah perenggan (1)(c) hendaklah mengikut Kurikulum Pendidikan Khas.

KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) dibina supaya pembelajaran yang diperolehi di bilik darjah dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Kurikulum ini juga menyediakan pendidikan berkualiti untuk murid bermasalah pembelajaran

supaya mereka menjadi insan yang seimbang, berdikari dan berupaya menjalani kehidupan dengan lebih bermakna.

MATLAMAT

KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) digubal dengan matlamat untuk memastikan potensi murid dapat dikembangkan secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu, sesuai dengan tahap keperluan murid pendidikan khas. Perkembangan ini meliputi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek bagi melahirkan insan yang seimbang, harmonis dan berakhlak mulia.

OBJEKTIF

KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) membolehkan murid:

- i. mengamalkan tingkah laku dan sikap positif dalam menguruskan kehidupan seharian dengan lebih bermakna serta menjadi warganegara yang berguna
- ii. mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran serta dapat berdikari dalam kehidupan seharian
- iii. menunjukkan kemahiran dan keterampilan ke arah kehidupan berkerjaya
- iv. mengamalkan penjagaan kesihatan dan keselamatan diri dengan sempurna
- v. menggunakan kemahiran berbahasa untuk berkomunikasi, berinteraksi dan bersosialisasi dengan menepati tatasusila masyarakat majmuk
- vi. mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian bagi yang beragama Islam

- vii. mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian
- viii. melibatkan diri dalam aktiviti riadah
- ix. menghargai keindahan alam dan warisan budaya
- x. menggunakan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi seiring dengan perkembangan semasa.

STANDARD KURIKULUM BERASASKAN TUNJANG

Organisasi kurikulum berasaskan tunjang dicadangkan bagi membangunkan modal insan yang berpengetahuan dan berketerampilan. Tunjang (Rajah 1) merupakan domain-domain utama yang saling menyokong antara satu sama lain bagi membentuk insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Domain bagi setiap tunjang adalah:

- i. Komunikasi
- ii. Kerohanian, Sikap dan Nilai
- iii. Kemanusiaan
- iv. Sains dan Teknologi
- v. Fizikal dan Estetika
- vi. Keterampilan Diri



Rajah 1: Bentuk Kurikulum Standard Sekolah Rendah

KURIKULUM MODULAR BERASASKAN STANDARD

KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) digubal dalam bentuk pernyataan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang perlu dicapai oleh murid. Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran diorganisasikan dalam bentuk modular yang mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran dan nilai.

Standard Kandungan

Pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.

Standard Pembelajaran

Satu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap Standard Kandungan.

Standard Prestasi

Satu set kriteria umum yang menunjukkan tahap penguasaan murid sebagai petunjuk bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Kurikulum kebangsaan bermatlamat untuk melahirkan murid yang seimbang, berdaya tahan, bersifat ingin tahu, berprinsip, bermaklumat, dan patriotik serta mempunyai kemahiran berfikir, berkomunikasi dan bekerja secara berpasukan. Kemahiran abad ke-21 ini selari dengan 6 aspirasi yang diperlukan oleh setiap murid untuk berupaya bersaing pada peringkat global yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia iaitu setiap murid akan mempunyai kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, identiti sosial, pengetahuan dan kemahiran berfikir.

Kemahiran berfikir telah ditekankan di dalam kurikulum sejak tahun 1994 dengan memperkenalkan Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis (KBKK). Kemahiran berfikir ini menekankan kepada pemikiran dari aras rendah sehingga aras tinggi. Bermula pada tahun 2011, Kurikulum

Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah memberi penekanan kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

KBAT merujuk pada keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT juga merujuk kepada kemahiran mengaplikaasi, menganalisis, menilai dan mencipta seperti di Jadual 1.

KBAT	Penerangan
Mengaplikasi	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara
Menganalisis	<ul style="list-style-type: none"> Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan
Menilai	<ul style="list-style-type: none"> Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi
Mencipta	<ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif

Jadual 1: Penerangan KBAT

Kemahiran ini ditulis secara eksplisit dalam setiap kurikulum mata pelajaran.

KBAT boleh diaplikasikan melalui aktiviti berbentuk pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran, peta minda, dan *Thinking Hats*, serta teknik penyoalan yang menggalakkan pemikiran ke aras tinggi. Murid perlu diberi tanggungjawab atas pembelajaran mereka sendiri.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Dalam KBSR terdapat beberapa elemen merentas kurikulum telah diperkenalkan seperti Bahasa, Pendidikan Alam Sekitar, Patriotisme, Kemahiran Berfikir, Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial, Pencegahan Rasuah, Pendidikan Pengguna dan Keselamatan Jalanraya. Elemen Merentas Kurikulum dalam KBSR dikekalkan dan ditambah dengan memberi penekanan pada elemen Kreativiti dan Inovasi, Keusahawanan, dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Kreativiti dan Inovasi

Kreativiti dan inovasi adalah dua perkara yang berkaitan. Secara umum, kreativiti merujuk kepada tindakan penghasilan idea, pendekatan atau tindakan baru. Inovasi pula ialah proses menjana idea dan mengaplikasikan idea kreatif dalam konteks tertentu. Elemen kreativiti dan inovasi merupakan antara elemen yang diberi penekanan dalam KSSR bagi menyediakan murid menangani cabaran abad ke-21. Kreativiti dan inovasi perlu dipupuk dan dibangunkan ke tahap optimum supaya murid berupaya menghasilkan idea dan ciptaan yang berkualiti, dan seterusnya menjadi amalan dan budaya dalam kehidupan seharian. Bagi mencapai matlamat ini penulisan standard pembelajaran bagi mata pelajaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang berkaitan dengan pemupukan kreativiti dan inovasi dinyatakan secara

tersurat. Sungguhpun begitu guru digalakkan menerapkan elemen kreativiti dan inovasi dalam mana-mana topik yang difikirkan sesuai sekiranya elemen ini tidak dinyatakan secara tersurat. Guru haruslah menyediakan aktiviti yang merangsang minat dan kreativiti murid. Murid perlu dibimbing dengan pengetahuan dan kemahiran untuk membolehkan mereka mengembangkan daya kreativiti dan memupuk sikap dan personaliti yang positif.

Keusahawanan

Dalam Model Baru Ekonomi, antara ciri Malaysia pada tahun 2020 adalah inovatif dan keusahawanan. Penerapan elemen keusahawanan dalam KSSR bertujuan membentuk ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid. Ciri dan amalan keusahawanan ini boleh dibentuk dengan:

- Mengamalkan sikap keusahawanan;
- Mengaplikasikan pemikiran keusahawanan;
- Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran pengurusan perniagaan;
- Memformulasikan konsep, proses atau produk keusahawanan; dan
- Mengamalkan nilai, moral dan etika baik dalam keusahawanan.

Semua ciri dan amalan ini dilaksanakan bersesuaian dengan tahap kebolehan murid sekolah rendah.

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

Teknologi merupakan satu wadah yang berkesan untuk memperkukuhkan pembelajaran sesuatu mata pelajaran. Penggunaan teknologi seperti televisyen, radio, komputer, Internet, perisian komputer, perisian kursus dan antara muka berkomputer menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan berkesan. Animasi dan simulasi berkomputer membantu dalam mempelajari konsep yang sukar dan abstrak, dan boleh dipersembahkan dalam bentuk perisian kursus atau laman web. Elemen TMK merupakan satu elemen yang diberi penekanan dalam KSSR. Terdapat tiga pendekatan dalam menggunakan TMK iaitu:

- Belajar mengenai TMK
- Belajar melalui TMK
- Belajar dengan TMK

FOKUS MATA PELAJARAN

Mata Pelajaran : Kemahiran Hidup Asas

Mata pelajaran Kemahiran Hidup Asas disusun mengikut 4 komponen:

- I. Masakan
- II. Jahitan

- III. Perkebunan
- IV. Penternakan Haiwan

Komponen: Masakan

Bagi murid pendidikan khas, Komponen Masakan memberi penekanan kepada pengetahuan asas, kemahiran dan nilai yang berkaitan dengan bidang memasak. Perkara ini penting untuk membolehkan murid sedar dan berkeyakinan mempraktikkan keperluan sosial untuk berdikari. Komponen ini bertujuan melatih murid supaya berkemahiran dan mampu berdikari untuk diaplikasi di dalam kehidupan seharian dengan lebih berkeyakinan.

Komponen Masakan membolehkan murid :

- i. Mengamalkan langkah-langkah keselamatan di bilik masakan
- ii. Mengetahui dan mengamalkan penjagaan kebersihan
- iii. Mengenal alatan masakan dan fungsinya
- iv. Mengenal dan mengetahui cara menyimpan bahan mentah

- v. Menyedia dan mengaplikasi pengetahuan masakan ke dalam kehidupan sebenar

Komponen: Jahitan

Bagi murid pendidikan khas, Komponen Jahitan memberi penekanan kepada kemahiran dan pengetahuan asas. Kemahiran –kemahiran ini akan dinilai melalui aktiviti *hands on* dengan menggunakan pemerhatian dan senarai semak. Kemahiran yang dipelajari akan membantu murid bagi penguasaan kemahiran dalam bidang jahitan. Latihan dan kemahiran pengetahuan asas jahitan merupakan perkara yang perlu diajar kepada semua murid Masalah Pembelajaran. Komponen ini bertujuan melatih murid supaya berkemahiran dan mampu berdikari untuk diaplikasi di dalam kehidupan seharian dengan lebih berkeyakinan.

Komponen Jahitan membolehkan murid :

- i. Mengamalkan langkah-langkah keselamatan di bilik jahitan
- ii. Mengetahui dan mengamalkan penjagaan kebersihan

- iii. Mengetahui alatan dan bahan jahitan serta fungsinya
- iv. Mengetahui mata jahitan asas dan fungsinya
- v. Menyedia dan mengaplikasi pengetahuan jahitan ke dalam kehidupan sebenar

Komponen: Perkebunan

Bagi murid pendidikan khas, Komponen Perkebunan merupakan satu keperluan asas untuk menguasai bidang-bidang kemahiran lain. Kemahiran ini memberi fokus kepada perkembangan motor kasar, motor halus dan pengamatan murid. Perkara ini penting untuk menentukan penguasaan bidang-bidang lain diperolehi dengan lancar dan sempurna. Latihan dan kemahiran dalam bidang perkebunan perlu diajar bagi menyediakan murid dengan kemahiran asas. Komponen ini bertujuan melatih murid supaya berkemahiran dan mampu berdikari untuk diaplikasi di dalam kehidupan seharian dengan lebih berkeyakinan.

Komponen Perkebunan membolehkan murid :

- i. Mengamalkan langkah-langkah keselamatan semasa melakukan aktiviti perkebunan
- ii. menambah pengetahuan dan kemahiran asas perkebunan.
- iii. mempraktikkan cara-cara penanaman yang betul
- iv. berdikari dan mampu menjalankan aktiviti perkebunan mengikut kemampuan diri sendiri.
- v. mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran perkebunan yang diperolehi di dalam kehidupan seharian.

Komponen Penternakan Haiwan

Bagi murid Pendidikan Khas, penternakan haiwan adalah salah satu cabang kemahiran yang dapat memberi pengetahuan asas tentang ilmu-ilmu penternakan, memupuk minat murid dalam bidang penternakan dan memberi peluang kepada murid-murid menunjuk bakat dan kebolehan secara individu yang akhirnya mampu untuk dijadikan punca pendapatan di dalam kehidupan seharian apabila tamat alam persekolahan. Pendedahan awal

tentang pengetahuan asas ternakan seperti keselamatan, kebersihan, alatan untuk penternakan, pemeliharaan haiwan, perumahan haiwan dan penjagaan haiwan di dedahkan kepada murid pada peringkat awal pembelajaran dan pengajaran supaya mereka mempunyai persediaan awal sebelum melaksanakannya.

Komponen Penternakan Haiwan membolehkan murid :

- i. memperoleh ilmu pengetahuan dan kemahiran asas dalam bidang penternakan
- ii. menjalani latihan awal penternakan, kemahiran berdikari dan membina keyakinan murid
- iii. meningkatkan kefahaman tentang amalan keselamatan, kebersihan, alatan penternakan, pemeliharaan, perumahan dan penjagaan haiwan
- iv. menyediakan murid-murid yang berada di Program Pendidikan Khas Integrasi ke arah membina kerjaya dalam bidang penternakan
- v. mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran pemeliharaan haiwan yang diperolehi di dalam kehidupan seharian.

RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU

Rancangan Pendidikan Individu (RPI):

adalah...suatu rekod yang mengandungi butiran sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pendaftar yang menyatakan tentang rancangan pendidikan bagi setiap murid berkeperluan pendidikan khas.

(Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013).

...adalah satu dokumen bertulis yang menjelaskan matlamat perancangan pendidikan yang dirancang untuk setiap murid berkeperluan khas dan dijadikan panduan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan boleh menyatakan tahap pencapaian murid.

(Buku Panduan Rancangan Pendidikan (RPI) Individu Murid-Murid Berkeperluan Khas, 2000)

RPI dirumuskan sebagai suatu rancangan pengajaran berasaskan penilaian pelbagai disiplin yang disediakan bagi memenuhi keperluan murid pendidikan khas. Ia dirancang khusus bagi individu murid, dan dokumentasi dilakukan tentang segala pengubahsuaian

dan penerapan ke atas rancangan pembelajaran dan perkhidmatan yang disediakan. Justeru, RPI memaklumkan ibubapa dan pihak sekolah tentang keperluan individu murid dan bagaimana keperluan tersebut dirancang untuk dipenuhi. Bagi mencapai tujuan tersebut, perlu ada kerjasama dan kolaborasi antara pihak sekolah, ibubapa, dan murid itu sendiri, dengan dibantu oleh pegawai pendidikan peringkat negeri dan daerah, dan individu dari agensi atau khidmat sokongan lain.

RPI memperincikan antara lain:

- i. Tahap prestasi sedia ada murid
- ii. Perancangan akademik dan bukan akademik
- iii. Matlamat pendidikan tahunan yang boleh dicapai murid
- iv. Objektif pendidikan yang boleh diukur
- v. Objektif, prosedur dan urutan pentaksiran bagi mengenalpasti perkembangan dalam pencapaian
- vi. Perkhidmatan yang diperlukan oleh murid
- vii. Perancangan, jangkamasa dan tarikh sesuatu perkhidmatan dapat disediakan untuk murid, dan
- viii. Perancangan dan persediaan bagi membantu dan membimbing murid berinteraksi dengan persekitaran mereka.

PENTAKSIRAN SEKOLAH

Pentaksiran Sekolah (PS) adalah salah satu komponen utama dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) kerana ia berperanan mengukuhkan pembelajaran murid, meningkatkan keberkesanan pengajaran guru dan mampu memberi maklumat yang sah tentang apa yang telah dilaksanakan atau dicapai dalam PdP. PS dilaksanakan oleh guru dan pihak sekolah sepenuhnya bermula dengan perancangan, pembinaan item dan instrumen pentaksiran, pentadbiran, pemeriksaan atau penskoran, perekodan hingga pelaporan. PS penting untuk menentukan keberkesanan guru dan pihak sekolah dalam usaha menghasilkan insan yang harmoni dan seimbang. PS merupakan aktiviti berterusan yang menuntut komitmen yang tinggi, dan hala tuju yang jelas daripada guru dan pihak sekolah untuk memperkembangkan potensi setiap murid ke tahap maksimum. PS mempunyai ciri-ciri berikut:

- Iaitu mampu memberi maklumat menyeluruh tentang penguasaan, pengetahuan, kemahiran, dan pengamalan nilai murni;
- Berterusan iaitu aktiviti pentaksiran berjalan seiring dengan PdP;
- Fleksibel iaitu kaedah pentaksiran yang pelbagai mengikut kesesuaian dan kesediaan murid; dan

- Merujuk standard prestasi yang dibina berdasarkan standard kurikulum.

PS boleh dilaksanakan secara:

- Pentaksiran formatif yang dijalankan seiring dengan PdP.
- Pentaksiran sumatif yang dijalankan pada akhir unit pembelajaran, semester atau tahun.

Pentaksiran Rujukan Standard

Standard Prestasi diguna untuk melihat kemajuan dan pertumbuhan (*growth*) pembelajaran, serta prestasi seseorang murid. Pentaksiran Rujukan Standard merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu, faham dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari berdasarkan pernyataan standard prestasi yang ditetapkan. Pentaksiran sedemikian tidak membandingkan pencapaian seseorang murid dengan murid lain. Prestasi murid dilaporkan dengan menerangkan tentang kemajuan dan pertumbuhan murid dalam pembelajaran. Murid dinilai secara adil dan saksama sebagai individu dalam masyarakat berdasarkan keupayaan, kebolehan, bakat, kemahiran dan potensi diri tanpa dibandingkan dengan orang lain. Pihak sekolah berupaya mendapatkan maklum balas yang lengkap dalam bentuk data kualitatif dan kuantitatif.

Maklumat yang diperolehi membolehkan pihak yang bertanggungjawab mengenali, memahami, menghargai, mengiktiraf dan memuliakan anak didik sebagai insan yang berguna, penting dan mempunyai potensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara dan bangsa mengikut keupayaan dan kebolehan masing-masing.

Tahap Penguasaan (TP) merujuk kepada aras penguasaan tertentu yang disusun secara hierarki, dan diguna bagi tujuan pelaporan.

Jadual 1 menyenaraikan maksud dan tafsiran umum tentang setiap TP. Jadual 2 pula menyediakan tafsiran tentang TP yang diguna pakai dalam mentafsir prestasi murid bagi mata pelajaran Matematik

Tafsiran Umum

MAKSUD	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN UMUM
Tahu	1	Murid tahu perkara asas, atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas.
Tahu dan Faham	2	Murid menunjukkan kefahaman untuk menukar bentuk komunikasi atau menterjemah serta menjelaskan apa yang telah dipelajari.
Tahu, Faham dan Boleh Buat	3	Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi.
Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab	4	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab, iaitu mengikut prosedur atau secara sistematik.
Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Terpuji	5	Murid melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baharu, dengan mengikut prosedur atau secara sistematik, serta tekal, dan bersikap positif.
Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab Mithali	6	Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baharu secara sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif, serta boleh dicontohi.

Jadual 1: Maksud dan tafsiran umum tentang Tahap Penguasaan

Tafsiran mata pelajaran

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengetahui pengetahuan dan kemahiran asas Kemahiran Hidup Asas
2	Memahami pengetahuan dan kemahiran asas dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Asas serta dapat menjelaskan kefahaman tersebut dengan apa-apa cara
3	Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Asas untuk melaksanakan tugas pada suatu situasi
4	Menganalisis pengetahuan dan kemahiran dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Asas untuk diaplikasikan dalam melaksanakan tugas pada suatu situasi dengan cara yang bersistematik
5	Menganalisis dan mensintesis pengetahuan dan kemahiran dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Asas untuk diaplikasikan dalam melaksanakan satu tugas atau situasi baru secara tekal, bersistematik dan bersikap positif
6	Menganalisis dan mensintesis pengetahuan dan kemahiran dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Asas untuk diaplikasikan dalam merekacipta, menilai dan mengkonsepkan sesuatu yang baharu dengan kreatif dan inovatif dalam melaksanakan sesuatu tugas

Jadual 2: Tafsiran Tahap Penguasaan bagi matapelajaran Kemahiran Hidup Asas

Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Dan Pentaksiran Sekolah

Setiap guru perlu merancang PdP dengan merujuk kepada Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran. Kebijaksanaan guru adalah perlu dalam merancang dan melaksanakan PdP yang berkesan dan bersesuaian. Pada waktu yang sama, guru perlu mentaksir dan menentukan tahap keupayaan murid berdasarkan Standard Prestasi yang telah disusun mengikut kelompok standard kandungan dan standard pembelajaran. Guru seharusnya memberi peluang kepada setiap muridnya untuk mencapai tahap keupayaan yang lebih baik dengan melaksanakan proses bimbingan dan pengukuhan.

Standard Pembelajaran merangkumi perkara yang perlu dipelajari dan disampaikan dalam PdP. Standard Prestasi pula mengandungi panduan untuk mentaksir murid mengikut tahap penguasaan seperti yang dihasratkan. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran mengintegrasikan standard kurikulum dan pentaksiran sekolah dalam satu dokumen.

Beberapa kaedah pentaksiran dalam bilik darjah yang boleh dijalankan adalah:

Pemerhatian: Kaedah ini sesuai untuk menilai individu dari aspek kemahiran saintifik serta sikap saintifik dan nilai murni. Kaedah pemerhatian adalah untuk menilai proses yang dilakukan murid, bukan hasil akhir yang diperoleh.

Ujian: Ujian boleh dijalankan dalam bentuk kertas pensel atau lisan. Ujian kertas pensel boleh disediakan dalam bentuk soalan objektif atau subjektif. Contoh ujian lisan adalah kuiz.

Persembahan secara lisan: Persembahan secara lisan adalah penting untuk menilai kemahiran bertutur, keyakinan diri dan pengetahuan murid tentang kemahiran yang dipelajari.

Senarai semak: Senarai semak merupakan laporan individu tentang penguasaan elemen-elemen yang diuji dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Elemen yang diuji dalam sains adalah pengetahuan, kemahiran serta sikap saintifik dan nilai murni.

Portfolio: Portfolio adalah kompilasi hasil kerja murid secara individu atau kumpulan. Contoh portfolio adalah buku skrap dan folio.

Esei: Esei mempamerkan tentang kemahiran murid untuk menyampaikan maklumat secara saintifik dan sistematik.

MASAKAN

**DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN (DSKP) KEMAHIRAN HIDUP ASAS
(MASAKAN)**

1. KESELAMATAN

STANDARD KANDUNGAN (Murid dibimbing untuk...)	STANDARD PEMBELAJARAN (Murid berupaya untuk...)	STANDARD PRESTASI (Murid boleh...)	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1.1 Memahami peraturan keselamatan	1.1.1 Menerangkan peraturan keselamatan di ruang kerja	1	Menyebut atau menunjuk dengan menggunakan bahasa badan peraturan keselamatan
	1.1.2 Menerangkan peraturan keselamatan diri di ruang kerja	2	Menyatakan sekurang-kurangnya empat peraturan keselamatan diri, alatan dan bahan di ruang kerja
	1.1.3 Menerangkan peraturan keselamatan alatan dan bahan yang terdapat di ruang kerja	3	Menyenaraikan empat alatan dan bahan yang terdapat di dalam peti pertolongan cemas
1.2 Memahami kegunaan peti pertolongan cemas	1.2.1 Menyenaraikan alatan dan bahan yang terdapat di dalam peti pertolongan cemas	4	Menerangkan kegunaan empat alatan dan bahan yang terdapat di dalam peti pertolongan cemas dengan betul
	1.2.2 Menerangkan kegunaan alatan dan bahan yang terdapat di dalam peti pertolongan cemas	5	Menerangkan kegunaan empat alatan dan bahan yang terdapat di dalam peti pertolongan cemas mengikut situasi dan keadaan

STANDARD KANDUNGAN (Murid dibimbing untuk...)	STANDARD PEMBELAJARAN (Murid berupaya untuk...)	STANDARD PRESTASI (Murid boleh...)	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
		6	Membincangkan penggunaan alatan dan bahan di dalam peti pertolongan cemas mengikut situasi serta peraturan keselamatan di ruang kerja

STANDARD KANDUNGAN (Murid dibimbing untuk...)	STANDARD PEMBELAJARAN (Murid berupaya untuk...)	STANDARD PRESTASI (Murid boleh...)	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1.3 Mengetahui alat dan bahan untuk memadam api	1.3.1 Menyatakan cara memadam api menggunakan air 1.3.2 Menyatakan cara memadam api menggunakan pasir 1.3.3 Menyatakan cara memadam api menggunakan kain basah	1	Menyebut atau menunjuk dengan menggunakan bahasa badan alat dan bahan untuk memadam api
		2	Menamakan alat dan bahan untuk memadamkan api
		3	Menyatakan tiga cara memadam api
		4	Menjelaskan cara memadam api menggunakan air, pasir atau kain basah
		5	Memilih cara memadam api yang sesuai mengikut punca kebakaran
		6	Menerangkan cara memadam api mengikut punca kebakaran di ruang kerja

2. KEBERSIHAN

STANDARD KANDUNGAN Murid dibimbing untuk...	STANDARD PEMBELAJARAN Murid berupaya untuk...	STANDARD PRESTASI (Murid boleh...)	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
2.1 Memahami penjagaan kebersihan	2.1.1 Menyenaraikan alatan dan bahan untuk menjaga kebersihan i. diri ii. ruang kerja	1	Menyebut atau menunjuk dengan menggunakan bahasa badan alatan dan bahan untuk menjaga kebersihan diri dan ruang kerja
		2	Mengenal pasti dua alatan dan bahan untuk menjaga kebersihan diri dan ruang kerja
	2.1.2 Menyatakan amalan menjaga kebersihan diri i. sebelum ii. semasa iii. selepas	3	Menyenaraikan dua amalan menjaga kebersihan diri sebelum, semasa dan selepas amali
		4	Menerangkan dua amalan menjaga kebersihan ruang kerja sebelum, semasa dan selepas amali
	2.1.3 Menyatakan amalan menjaga kebersihan di ruang kerja i. sebelum ii. semasa iii. selepas	5	Menerangkan amalan menjaga kebersihan diri dan ruang kerja sebelum, semasa dan selepas melakukan aktiviti mengikut situasi
		6	Membincangkan cara penjagaan kebersihan diri dan ruang kerja

3. ALATAN MEMASAK

STANDARD KANDUNGAN Murid dibimbing untuk...	STANDARD PEMBELAJARAN Murid berupaya untuk...	STANDARD PRESTASI (Murid boleh...)	
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
